



2021
**INTERNATIONAL CONFERENCE
ON CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES**
المؤتمر الدولي للدراسات الإسلامية المعاصرة
SEMINAR ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
"Empowering Contemporary Islamic Studies Pioneering in IR 4.0"



ORGANISER



Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

8th June 2021

STATUS MATA GANJARAN (REWARDS POINTS) DALAM TRANSAKSI ELEKTRONIK DAN HUKUMNYA: ANALISIS BERDASARKAN TAKYIF FIQHI

**DR. MUSTAFA BIN MAT JUBRI @
SHAMSUDDIN**

JABATAN FIQH & USUL AL-FIQH, UNIVERSITI
ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA, KUALA
LUMPUR


mussham@iium.edu.my

Pendahuluan Kajian

Antara usaha yang dilakukan oleh penjual untuk menarik pembeli lantas melariskan produk atau perkhidmatannya, ialah memberikan mata ganjaran melalui transaksi elektronik.


Mata ganjaran ini perlulah dikumpul dan sekiranya ia mencapai bilangan tertentu ia boleh ditukarkan kepada sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Sistem mata ganjaran ini banyak digunakan dalam transaksi elektronik bagi pembelian secara atas talian di laman-laman sesawang membeli-belah atau secara langsung di gedung-gedung pasar raya.



Permasalahan Kajian dan Persoalannya

Pemberian dan perolehan mata ganjaran ini berlaku dalam keadaan, syarat dan kesan yang berbeza, justeru kejelasan statusnya melalui takyīf fiqhī amat diperlukan untuk diberikan hukum yang tepat kepadanya.

- **Apakah** status mata ganjaran dalam transaksi elektronik di sisi disiplin ilmu fiqh?
 - **Bagaimanakah** takyīf fiqhī dilakukan dalam menentukan status mata ganjaran dalam transaksi elektronik?
 - **Apakah** implikasi yang menuruti takyīf fiqhī bagi penentuan status mata ganjaran dalam transaksi elektronik?
 - **Apakah** jenis aqad yang berlaku dalam transaksi elektronik yang melibatkan pemberian dan perolehan mata ganjaran?
- 

Metodologi Kajian

Kajian ini bersandarkan **metod kualitatif** melalui kaedah analisis data penulisan untuk merungkai permasalahan yang berkait dengan status mata ganjaran dalam transaksi elektronik dan hukumnya di sisi Islam.

Maklumat yang dirujuk dalam kajian ini diperolehi melalui **metod induktif** dengan menelusuri sumber-sumber **primer dan sekunder** yang mempunyai kaitan dengan isu kajian ini, dan menyimpulkan data-data yang mengukuhkan serta menerangkan permasalahan dalam isu ini.

Analisis data pula dijalankan dengan menggunakan **metod deduktif** melalui pemahaman dalil-dalil syarak dan pendapat-pendapat ulamak dan pengeluaran darinya apa yang berkaitan dengan isu kajian ini.

Data-data yang terkumpul selepas **induktif dan deduktif** ini digarap dan ditafsir berserta pandangan dari penulis untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini, lantas menjelaskan status mata ganjaran dalam transaksi elektronik dan hukumnya dalam kerangka fiqh.

Mekanisma Takyīf Fiqhī

Mata ganjaran termasuk dalam perbahasan muamalat.

- Asal hukum bagi muamalat adalah harus dan sah.

Pemberian mata ganjaran dan perolehannya tertakluk dengan hukum aqad.

- Asal hukum bagi aqad adalah harus dan sah.

Mata ganjaran melibatkan pembelian produk atau penggunaan perkhidmatan atau perbuatan lain.

- Ia termasuk dalam aqad mu'āwaḍāt (pertukaran) dan syarat-syaratnya.


Mata ganjaran bukan barang ('ayn) atau harga (thaman) atau barang tukaran ('iwad).

- Ia lebih hampir kepada maksud manfaat (manfa'ah).

Mata ganjaran terikat dengan syarat-syarat tertentu

- Asal bagi penetapan syarat dalam muamalat adalah harus dan sah.


Takyīf Fiqhī Ke Atas Jenis Aqad Dalam Mata Ganjaran




Takyīf Fiqhī Ke Atas Status Mata Ganjaran



Implikasi Takyīf Fiqhī Ke Atas Status Mata Ganjaran



Analisis Kajian



- **Pemberi:** sebagai cara promosi dan menarik pengguna untuk melakukan transaksi muamalah dengannya.
- **Penerima:** sebagai usaha untuk memperolehi hadiah melalui tukaran mata ganjaran.
- Kedua-dua niat tujuan ini **tidak menyalahi Shariah** kerana ia bermaksud mencari kemaslahatan dan bukannya membuat kemafsadahan.

- Ia mencakupi jenis aqad, bilangan pihak yang terlibat, status mata ganjaran dan cari ia diperolehi dan berfungsi.
- Berdasarkan takyīf fiqhī cara pelaksanaan mata ganjaran ini **tidak bertentangan dengan Shariah**, namun ia tetap memerlukan syarat-syarat tertentu yang mengawalinya dari sebab-sebab yang boleh menjadikannya dihukumkan haram.

- **Pemberi:** penambahan pembeli produknya atau pelanggan perkhidmatannya, lantas meningkatkan keuntungan.
- **Penerima:** perolehan hadiah barangan atau perkhidmatan hasil penukaran mata ganjaran yang dikumpulkan.
- Kesan pelaksanaan ini **tidak menyanggahi Shariah** kerana ia mendatangkan kemaslahatan dan bukannya menimbulkan kemafsadahan.



Dapatan Kajian

Aplikasi takyīf fiqhī ke atas aqad mata ganjaran meletakkannya di dalam aqad **mu'āwaḍāt dan tabarru'āt** berdasarkan bilangan pihak yang terlibat dan perkaitannya antara mereka.

Manakala aplikasi ke atas status mata ganjaran menjadikannya dikira sebagai **hadiah yang disyaratkan untuk mendapatkannya** dan **disyaratkan untuk dimanfaatkannya**.

Ia menjadi **hadiah kepada hadiah** yang lain, atau ia menjadi **syarat kepada hadiah** yang lain, dan yang kedua ini dilihat oleh penulis sebagai takyīf fiqhī yang lebih tepat dan selamat.



Terima Kasih